

29/08/2005

Mahathir-Ilmu

MAHATHIR: ILMU PENGETAHUAN RAMUAN PENTING UNTUK KEJAYAAN

KUALA LUMPUR, 29 Ogos (Bernama) -- Menimba ilmu pengetahuan menerusi pengalaman dan pembelajaran serta kebolehan untuk menggunakannya dengan cara pemikiran strategik adalah ramuan yang amat penting bagi mencapai kejayaan, kata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Seorang pemuda hari ini mungkin lebih berpengetahuan berbanding seorang lelaki berusia 80 tahun sekiranya beliau mengambil inisiatif untuk menimba ilmu pengetahuan yang dikumpulkan oleh orang lain sebelumnya seperti para ilmunan dan pemerhati yang terdahulu," katanya dalam ucap tama beliau bertajuk "The Thinking of a Thinker (Pemikiran seorang Pemikir)" pada Seminar Pemikiran anjuran Universiti Islam Antarabangsa di sini hari ini.

Beliau berkata banyak perkara yang dilakukan Malaysia, seperti Dasar Pandang ke Timur, adalah hasil kajian keatas strategi serta kejayaan lain-lain negara.

"Kita belajar kepentingan dalam cara, sistem, dan strategi mengikut etika orang-orang Eropah. Tapi kita lihat bahawa selepas perang, Jepun yang kalah sebaliknya dapat pulih dengan lebih baik barbanding Eropah yang menang," katanya.

Dr Mahathir yang merupakan presiden kehormat Yayasan Kepimpinan Perdana berkata meniru kejayaan adalah logik, tapi Malaysia telah dapat memikirkan sendiri siapa yang lebih berjaya dan boleh dicontohi.

Beliau berkata orang lain mungkin ada melihat kejayaan Jepun, tapi tidak terfikir untuk menjadikan ia sebagai model.

Dr Mahathir berkata semasa krisis kewangan pada tahun 1997, kebimbangan terhadap penjajahan telah mendorong Malaysia untuk memikir serta mencari penyelesaian yang bukan hanya boleh memulihkan ekonomi dan kewangan negara, tapi juga kemerdekaannya.

"Selepas kita belajar sendiri tentang bagaimana mata wang diuruskan, cara-cara perdagangan mata wang dijalankan dan mengumpulkan semua data, kita dapati ada cara yang boleh dilakukan untuk mendapatkan akses kepada mata wang itu dan menghentikan perdagangannya.

"Penyelesaiannya sudah pasti tidak sempurna sepenuhnya. Sudah pasti ada risiko kegagalan. Pelan-pelan kecemasan perlu disediakan. Lebih banyak idea, banyak analisa perlu dirumuskan sebagai langkah mengatasi masalah itu," katanya.

Menyentuh tentang orang-orang Muslim, beliau berkata menimba ilmu pengetahuan, khususnya dalam bidang sains, sebenarnya akan mengukuhkan ummah dan meningkatkan kepercayaan mereka kepada Allah.

Beliau berkata dalam era saintis perintis Muslim, Islam dan penganutnya amat dipandang tinggi, dan mereka tidak dikasari atau dilabel sebagai pengganas, atau diburu di seluruh dunia.

"Kini orang-orang Islam jauh ketinggalan di belakang kerana ada seseorang telah mentafsir bahawa hanya dengan mempelajari agama akan memberikan kita kelebihan di akhirat nanti. (Kononnya) Kesengsaraan dalam dunia perlu dilupakan, kerana bagi kita, akan ada syurga di akhirat nanti," katanya.

"Kita boleh berjaya dan kuat sekiranya berfikir terlebih dahulu sepeum melangkah. Tidak berfikir akan bermakna kita gagal untuk menghargai nilai pemberian ini. Sama juga keadaanya jika pemberian ini di salah guna, dan berbuat kesalahan adalah sama keadaannya seperti kita tidak bersyukur kepada pencipta kita," tambahnya.

-- BERNAMA
SM HK AZH